

1. Antara ciri bandar dalam tamadun awal ialah pembinaan kota.
Apakah tujuan pembinaan kota?
- I Tempat beribadat
 - II Pusat pentadbiran
 - III Kawasan sempadan
 - IV Benteng pertahanan

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

2. Rajah berikut berkaitan dengan pembinaan kota oleh masyarakat tamadun silam.



Apakah masyarakat Tamadun X tersebut?

- ☐ A Tamadun Indus
- ☐ B Tamadun Huang He
- ☐ C Tamadun Mesir Purba
- ☐ D Tamadun Mesopotamia

3. Apakah ciri-ciri bandar dalam tamadun awal dunia.
- I Kemudahan prasarana
 - II Mempunyai pemerintah dan rakyat
 - III Pusat penterjemahan ilmu
 - IV Pelan susun atur

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

4. Maklumat berikut merujuk kepada kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat tamadun awal.

Mempercayai kehidupan selepas mati

Kepercayaan tersebut diamalkan oleh masyarakat _____.

- ☐ A Mesir
- ☐ B Indus
- ☐ C Anyang
- ☐ D Mesopotamia

5. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri pembinaan bandar oleh tamadun awal dan

- Mempunyai sistem perparitan
- Mempunyai sistem pembedungan

Pembinaan bandar tersebut telah diperkenalkan oleh masyarakat _____.

- ☐ A Tamadun Mesopotamia
- ☐ B Tamadun Mesir Purba
- ☐ C Tamadun Huang He
- ☐ D Tamadun Indus

6. Apakah kepentingan hasil kesenian dan kesusasteraan pada zaman tamadun awal?

- ☐ A Gambaran budaya setiap tamadun
- ☐ B Peningkatan kemahiran
- ☐ C Kreativiti dan inovatif
- ☐ D Keunikan setiap tamadun

7. Kedua-dua perkataan dalam jadual berikut memberi persamaan makna tentang tamadun.

Arab	Greek
Madana	Civitas

Apakah persamaan makna tersebut?

- ☐ A Rohaniah
- ☐ B Lahiriah
- ☐ C Budaya
- ☐ D Bandar

8. Maklumat berikut berkaitan dengan penciptaan masyarakat tamadun awal.

- Penciptaan kincir angin
- Pembinaan saliran
- Pembinaan teres di tanah tinggi

Apakah kesan daripada penciptaan tersebut?

- ☐ A Pembentukan kerajaan
- ☐ B Kewujudan bidang kesenian
- ☐ C Kemajuan kegiatan perdagangan
- ☐ D Perkembangan kegiatan pertanian

9. Bagaimanakah sarjana berikut mengukur kemajuan tamadun dalam sesebuah masyarakat?

Arnold J. Toynbee

- ☐ A Peningkatan moral
- ☐ B Penekanan tatasusila
- ☐ C Pembangunan rohaniah
- ☐ D Pencapaian ilmu dan teknologi

10. Apakah maksud tamadun mengikut bahasa berikut.

Bahasa Melayu

- ☐ A Pembangunan lahiriah
- ☐ B Pencapaian kemajuan masyarakat
- ☐ C Pembangunan sosial
- ☐ D Peningkatan ilmu

11. Pengkhususan pekerjaan merupakan satu ciri dalam tamadun awal manusia. Apakah faktor yang membawa kepada pengkhususan tersebut?

- ☐ A Peningkatan jumlah penduduk
- ☐ B Penciptaan sistem tulisan
- ☐ C Peningkatan produktiviti
- ☐ D Organisasi sosial

12. Apakah kepentingan kereta kuda dan kereta lembu dalam tamadun awal?

- I Perhubungan penduduk
- II Mengangkut hasil pertanian
- III Pembuatan tembaga
- IV Mengangkut hasil perlombongan

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

13. Ciri-ciri berikut menentukan kelas sosial dalam masyarakat Mesir Purba.

- Jenis pekerjaan
- Kekayaan
- X

Apakah X?

- ☐ A Jantina
- ☐ B Pengaruh
- ☐ C Kebijaksanaan
- ☐ D Tahap pendidikan

14. Istilah berikut diambil daripada bahasa Arab.

hadari

Istilah tersebut membawa maksud _____.

- ☐ A tanah
- ☐ B sungai
- ☐ C daerah
- ☐ D kawasan

15. Tahap pembangunan manusia dan organisasi dianggap paling maju.
Tahap pembangunan tersebut merangkumi _____.

- I moral
- II pengetahuan
- III perdagangan
- IV kemasyarakatan

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

16. Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri bandar?

- I Petempatan yang tersusun
- II Mempunyai sempadan
- III Mempunyai ketua pemerintah
- IV Pembinaan sistem perparitan dan pembentungan

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

17. Senarai berikut berkaitan pekerjaan masyarakat tamadun awal dunia.

- Kerja mengukir
- Menempa besi
- Menghasilkan tembikar

Siapakah yang menjalankan pekerjaan tersebut?

- ☐ A Buruh
- ☐ B Artisan
- ☐ C Hamba
- ☐ D Jurutera

18. Pernyataan berikut menunjukkan penggunaan teknologi oleh masyarakat tamadun awal.

Penciptaan roda

Apakah tujuan penciptaan roda tersebut?

- I Mengangkut hasil pertanian
- II Perhubungan penduduk
- III Penghasilan tenaga solar
- IV Mempercepatkan aktiviti pertanian

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

19. Apakah masyarakat tamadun awal dunia yang mempunyai kaitan dengan penghasilan karya kesenian berikut?



The Art of The Ancient Near East

- ☐ A Masyarakat di Indus
- ☐ B Masyarakat di Babylon
- ☐ C Masyarakat di Huang He
- ☐ D Masyarakat di Mesir Purba

20. Maklumat berikut menunjukkan kejayaan yang dicapai oleh masyarakat Tamadun Mesopotamia dalam bidang teknologi.

Pembinaan piramid dan sfinks

Apakah kesimpulan yang dapat anda buat tentang kejayaan tersebut?

- ☐ A Peningkatan kemahiran
- ☐ B kreativiti dan inovasi
- ☐ C Kesungguhan
- ☐ D Tidak berputus asa